



## SIARAN MEDIA

### MAJLIS PELANCARAN PENGHIJAUAN MALAYSIA: KOPERASI PRIHATIN SEJUTA POKOK SEMPERA BULAN KOPERASI KEBANGSAAN DAN SAMBUTAN 100 TAHUN KOPERASI

---

**SHAH ALAM, 17 JULAI 2022** – Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) bersama-sama rakan strategiknya, Institut Perubuhan Iklim, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Yayasan Hijau Malaysia melaksanakan program tanggungjawab sosial koperasi (CSR) Koperasi Prihatin Sejuta Pokok bagi menyokong agenda Penghijauan Malaysia dengan komitmen untuk menanam sejuta pokok dalam tempoh dua (2) tahun bermula tahun 2022 sehingga 2023.

Program “*Flagship*” tanggungjawab sosial koperasi ini merupakan inisiatif berimpak tinggi ANGKASA untuk menggalakkan dan meningkatkan penglibatan 14,834 buah koperasi yang mempunyai 7.08 juta anggota di seluruh Malaysia demi merealisasikan misi penanaman sejuta pokok. Program ini juga untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai peranan dan kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar menerusi penanaman semula pokok sama ada di kawasan hutan, rizab hutan, kawasan awam, institusi sebagai salah satu cara untuk menangani masalah pelepasan karbon yang meningkat setiap tahun bagi membantu menangani perubahan iklim.

Majlis Pelancaran Penghijauan Malaysia: Koperasi Prihatin Sejuta Pokok sempena Bulan Koperasi Kebangsaan dan Sambutan 100 Tahun Koperasi disempurnakan oleh Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), YB Tan Sri Noh Bin Haji Omar dan dihadiri Menteri Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA), YB Datuk Seri Takiyuddin Bin Hassan perasmianya di Taman Botani Negara Shah Alam. Hadir sama Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), YB Datuk Muslimin Bin Yahaya dan Presiden ANGKASA merangkap Presiden ASEAN Co-operative Organization (ACO), Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Bin Abdullah.

Majlis pada hari ini menyaksikan YB Tan Sri Noh Bin Haji Omar menanam Pokok Merbau, pokok kebangsaan Malaysia yang merupakan pokok ke-100 sebagai simbolik kepada sambutan 100 tahun gerakan koperasi. Penanaman semula pokok di Taman Botani Negara Shah Alam menempatkan 150 pokok hutan pelbagai spesis yang disumbangkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor. Penanaman pokok disertai 120 sukarelawan CoopCare ANGKASA, koperasi sekolah, Ekorelawan UKM dan ahli Persatuan Pandu Puteri Malaysia. Antara spesis pokok yang ditanam adalah Meranti Tembaga, Meranti Sarang Punai, Meranti Temak, Merawan Siput Jantan, Keruing dan Giam Lintah Bukit.

Pada majlis yang sama YB Tan Sri Noh Bin Haji Omar turut melancarkan modul Pendidikan dan Pembelajaran “**Sejuta Pokok Segunung Harapan**” untuk dimanfaatkan oleh 2,460 koperasi sekolah di seluruh Malaysia dengan keanggotaan berjumlah kira-kira 1.97 juta anggota individu. Modul ini diterbitkan secara kolaborasi antara ANGKASA dan Institut Perubahan Iklim, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan memulihara hutan dan alam sekitar serta memberi pendidikan asas berkaitan jenis dan fisiologi pokok, konsep tanaman, penjagaan pokok dan penghasilan baja kompos, garis panduan pengukuran tumbesaran pokok dan penyelenggaraan tanaman pokok.

Modul ini akan dikongsi menerusi program *Training of Trainers (ToT)* yang akan dilaksanakan oleh ANGKASA dan UKM dengan anggota koperasi sekolah untuk memberi pendedahan mengenai kepentingan usaha penanaman pokok untuk mengekalkan kekayaan biodiversiti negara serta memelihara sumber alam semulajadi.

Program Penghijauan Malaysia: Koperasi Prihatin Sejuta Pokok merupakan inisiatif ANGKASA sebagai badan apeks gerakan koperasi negara yang diiktiraf oleh kerajaan dalam mengintegrasikan agenda Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030 dan tanda sokongan gerakan koperasi kepada usaha Dekad Pemulihan Ekosistem Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) 2021-2030 atau *United Nation Decade on Ecosystem Restoration*.

Presiden ANGKASA merangkap Presiden ASEAN Co-operative Organization (ACO), Datuk Seri Dr. Abdul Fattah berkata, program ini akan dilaksanakan dengan sokongan International Co-operative Alliance - Asia Pacific (ICA-AP) menerusi penglibatan hebahen oleh Jawatankuasa Belia dan Jawatankuasa Perhutanan (*Youth and Forestry Committee*) ICA-AP. ANGKASA juga bekerjasama dengan *International Cooperative Alliance (ICA)* pada peringkat global untuk mempromosikan program ini bagi mendapatkan sokongan dan penyertaan para koperator di seluruh dunia.

Program Penghijauan Malaysia: Koperasi Prihatin Sejuta Pokok didokong oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan agensinya Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan Institut Koperasi Malaysia dengan sokongan Kementerian Tenaga dan Sumber Asli dan Kementerian Pendidikan Malaysia. Program ini juga dilaksanakan dengan kerjasama erat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Jabatan Perhutanan Negeri, Majlis Amanah Rakyat (MARA), Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Fakulti Perhutanan Universiti Putra Malaysia, Persatuan Pandu Puteri Malaysia dan Majlis Belia Malaysia.

**PENGURUS BESAR**  
**BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT**  
**MERANGKAP PEGAWAI KHAS PRESIDEN ANGKASA**  
**17 JULAI 2022**

## MENGENAI ANGKASA

ANGKASA adalah Badan Apeks Gerakan Koperasi Malaysia yang diiktiraf oleh Kerajaan untuk menyatukan dan mewakili koperasi di peringkat nasional dan antarabangsa. ANGKASA menjalankan khidmat teras seperti menyediakan khidmat potongan gaji kepada kakitangan kerajaan, badan berkanun, kelab, koperasi, dan kesatuan.

ANGKASA melaksanakan program transformasi perniagaan dan keusahawanan koperasi dalam sektor perniagaan yang berimpak tinggi seperti Kewangan, Pertanian dan Industri Asas Tani, Pemborongan dan Peruncitan, Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan, Perladangan, Hartanah dan Industri Binaan, Inovasi dan Teknologi serta Pembangunan Komuniti.

Sehingga bulan 31 Disember 2021, ANGKASA sebagai badan apeks gerakan koperasi negara yang diiktiraf oleh kerajaan menaungi 14,834 buah koperasi di seluruh negara dengan keanggotaan individu kira-kira 7.08 juta orang, jumlah modal syer/ yuran sebanyak RM16.5 bilion dan jumlah aset RM155 bilion. Perolehan gerakan koperasi mencatat sebanyak RM37.9 bilion. (Sumber statistik: Suruhanjaya Koperasi Malaysia).

ANGKASA telah menerima pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti (ISO 9001:2015), Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISO/IEC 27001:2013) dan Sistem Pengurusan Anti-Bribery (ISO37001:2016). ANGKASA juga telah dianugerahkan Cyber Security Organization of The Year di bawah kategori Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS ISO 27001:2013) pada tahun 2015.

Seiring dengan 50 tahun penubuhannya, ANGKASA akan terus memperjuangkan hak dan kepentingan gerakan koperasi serta komited untuk meneraju dan melaksana inisiatif Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030 agar institusi ini terus berdaya maju dalam menghadapi cabaran masa hadapan serta berperanan sebagai instrumen pengagihan ekonomi yang adil dan saksama demi kesejahteraan untuk semua.

Untuk maklumat lanjut mengenai ANGKASA, sila hubungi talian Khidmat Pelanggan di talian +603 78007800 atau e-mel kepada apex@angkasa.coop. Anda juga boleh melawati laman web kami di www.angkasa.coop dan berinteraksi dengan kami di akaun rasmi Facebook atau Twitter di @ANGKASACoop

Untuk pertanyaan dan maklumat berkenaan media sila hubungi :

**Halim Haji Ibrahim**  
**Pengurus Besar**  
**Bahagian Komunikasi Korporat**  
**Merangkap Pegawai Khas Presiden ANGKASA**  
Tel. : +6016- 4580305 / +603 – 7884 6481  
Faks : +603 – 7884 6489  
E-mel : korporat.angkasa@gmail.com  
www.angkasa.coop

### KOPERASI MENYOKONG AGENDA

